

<p>Apabila perkataan قد tersebut sebelum fi'il mudhari' yang disandarkan kepada Allah, maka ia sentiasa memberi erti kepastian.</p>	<p>إذا دخلت "قد" على المضارع المسند إلى الله تعالى فهي للتحقيق دائمًا.</p>	<p>قاعدة 13</p>
<p>Perkataan قد dipakai dalam bahasa `Arab untuk menunjukkan beberapa erti. Ia pada kebiasaannya bergantung kepada fi'il yang terletak selepasnya. Jika fi'il yang terletak selepasnya adalah fi'il madhi, maka ia menunjukkan erti kepastian atau terlalu hampir berlakunya. Dan jika fi'il yang terletak selepasnya adalah fi'il mudhari', maka ia menunjukkan erti kadang-kadang (تقليل) atau boleh jadi dan kemungkinan (تشكيك). Tetapi kalau fi'il mudhari' disandarkan kepada Allah, maka ia sama sekali tidak</p>		

memberi erti kadang-kadang atau boleh jadi dan kemungkinan, sebaliknya ia sentiasa memberi erti kepastian.

Aplikasi qaedah ini dapat dilihat pada dua firman Allah di bawah ini:

(1)

قَدْ نَرَى تَقَلُّبَ وَجْهِكَ فِي السَّمَاءِ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبْلَةً تَرْضَاهَا فَوَلِّ وَجْهَكَ شَطْرَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ فَوَلُّوا
وُجُوهَكُمْ شَطْرَهُ وَإِنَّ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ لَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّهِمْ وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٤٤﴾

144. Sungguh Kami (sering) melihat mukamu menengadah ke langit, maka sungguh Kami akan memalingkan kamu ke kiblat yang kamu sukai. Palingkanlah mukamu ke arah Masjidil Haram. Dan dimana saja kamu berada, palingkanlah mukamu ke arahnya. Dan sesungguhnya orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Al Kitab (Taurat dan Injil) memang mengetahui, bahawa berpaling ke Masjidil Haram itu adalah benar dari Tuhannya; dan Allah sekali-kali tidak lengah dari apa yang mereka kerjakan. (al-Baqarah:144).

(2)

أَلَا إِنَّ لِلَّهِ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ قَدْ يَعْلَمُ مَا أَنْتُمْ عَلَيْهِ وَيَوْمَ يُرْجَعُونَ إِلَيْهِ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا عَمِلُوا وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ
عَلِيمٌ ﴿٦٤﴾

64. Ketahuilah! Sesungguhnya Allah jualah yang menguasai segala yang ada di langit dan di bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan yang kamu berada padanya (wahai umat manusia) dan pada hari umat manusia itu kembali kepadaNya, maka Dia akan menerangkan kepada mereka segala yang mereka kerjakan, kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. (an-Nuur:64).